UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UMK/B02.93/100-6/1 (56) 3 Ogos 2009

PEKELILING AKADEMIK BIL 3/2009

AKTIVITI AKADEMIK DAN PELAN PENCEGAHAN WABAK INFLUENZA A H1N1 DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Adalah di maklumkan bahawa tanda-tanda penularan wabak Influenza A H1N1 (Influenza Like Illnes) telah meningkat dalam komuniti Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Penularan wabak ini jika tidak dibendung dengan berkesan akan memberi kesan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran Universiti. Universiti telah bersetuju untuk melaksanakan beberapa langkah pencegahan awal.

Sehubungan dengan itu bagi memastikan aktiviti pembelajaran dan jumlah jam belajar pelajar tidak terjejas pihak Universiti telah mengambil ketetapan iaitu:-

1. Aktiviti pembelajaran di terus seperti biasa. Pelajar dan pensyarah perlu menghadiri kuliah/tutorial/studio/ makmal sepertimana jadual yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun kaedah pengajaran dan pembelajaran di buat pindaan seperti berikut:

    i. Jika pelajar sesuatu kelas yang terlibat dengan tanda-tanda wabak influenza A H1N1 (Influenza Like Illnes) ini kurang daripada 10%, adalah dicadangkan kelas diteruskan seperti biasa. Pelajar dan pensyarah perlu menghadkan hubungan bersemuka dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan sepertimana yang disarankan oleh pihak berwajib, antaranya memakai topeng muka dan mencuci tangan sebelum atau selepas kuliah.

a. Tanggungjawab Pelajar.

Pelajar yang ada tanda-tanda influenza A H1N1 (Influenza Like Illnes) adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri kuliah. Pelajar perlu segera ke Pusat Kesihatan Universiti untuk mendapakkan rawatan dan memaklumkannya kepada pensyarah melalui rakan sekuliah. Pelajar perlu mematuhi segala peraturan kuarantin yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Universiti. Pelajar juga hendaklah sentiasa berhubung dengan pensyarah untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang kursus yang diajarkan.

b. Tanggungjawab Pensyarah.

Pensyarah yang bertanggungjawab perlu menyediakan dan memberi tugasan kepada pelajar dalam bentuk “book review”, “chapter review” atau menjawab soalan-soalan berkaitan tajuk yang diajar dan pelajar dikehendaki mengemukakan laporan/tugasan kepada pensyarah yang berkenaan sebagai ganti proses pengajaran dan pembelajaran yang terganggu. Tugasan yang disediakan mesti dihantar kepada pelajar terlibat di asrama atau tempat pelajar ditahan atau cara lain yang difikirkan sesuai.

ii. Jika jumlah pelajar dalam sesuatu kelas yang terlibat dengan tanda-tanda wabak Influenza A H1N1 (Influenza Like Illnes), ramai (melebihi 10%), maka adalah dicadangkan tidak ada pertemuan antara pelajar dan pensyarah bagi kursus tersebut. Walau bagaimanapun pensyarah berkenaan perlu menyediakan dan menghantar tugasan kepada pelajar dalam bentuk “book review”, “chapter review” atau menjawab soalan-soalan berkaitan tajuk yang diajar atau apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai oleh pensyarah dan pelajar dikehendaki mengemukakan laporan/tugasan kepada pensyarah yang berkenaan sebagai ganti

proses pengajaran dan pembelajaran yang terganggu. Tugasan yang disediakan mesti dihantar kepada pelajar terlibat di asrama atau tempat pelajar ditahan.

2. Disamping itu Universiti juga telah mengambil kira langkah yang lain, iaitu semua aktiviti pelajar (termasuk akademik dan bukan akademik) yang melibatkan pergerakan pelajar di luar negeri Kelantan, dibekukan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Aktiviti pelajar secara berkumpulan di luar kampus juga dibekukan seketika.

3. Pihak Universiti akan sentiasa memantau dan mendapatkan maklumat terkini tentang status Influenza A H1N1 (Influenza Like Illnes), demi kesejahteraan warga kampus keseluruhannya.

Diatas segala perhatian dan kerjasama semua warga staf dan pelajar UMK dalam hal ini amatlah diharapkan dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, WASSALAM

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

PROF. DR. AZIZUL HALIM YAHYA
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

s.k
- YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
- YBhg. Prof. Dato' Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Dekan, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli
- Dekan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
- Dekan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
- Pengarah, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah